

**PERSOALAN PEMBAHAGIAN
HARTA DALAM
ADAT PERPATIH**

Oleh

HARADED BT. MOHD DOM

PERSOALAN PEMBAHAGIAN HARTA
DALAM ADAT PERPATIH

OLEH
FARADED BT. MOHD DOM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINSKEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1978/1979

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani”

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayahnya dapatlah menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada penyelia Latihan Ilmiah ini iaitu Encik Encik Amran Kasimin, pensyarah di jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana dengan dorongan dan tunjuk dari beliau maka Latihan Ilmiah ini dapat dilaksanakan. Bukan setakat memberikan bimbingan, malah beliau juga yang telah mengesyorkan judul Latihan Ilmiah ini. Kepada beliau dipohonkan semoga Allah membalas jasa yang telah dicurahkan itu.

Tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan University Malaya kerana telah menyediakan beberapa kemudahan dalam masa menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Dengan menggunakan bahan-bahan bacaan yang tersedia di perpustakaan tersebut, ini adalah merupakan titik tolak bagi saya memulakan Latihan Ilmiah ini.

Kepada semua individu yang telah memberikan sumbangan dalam masa saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini tidak saya lupakan. Terutamanya pihak suami saya yang telah sumbangan kewangan dan dorongan untuk saya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini, namun begitu, saya amat menyedari akan kekurangan beberapa aspek seperti isi kandungan dan teknik penulisan Latihan Ilmiah ini.

Akhir kata saya berdoa semoga kita semua diberkati Allah dan dikurniakan kesejahteraan sepanjang masa.

Faraded bt. Mohd Dom,
UKM, Bangi,
28/2/1979.

PENDAHULUAN

Telah banyak tulisan-tulisan, pandangan-pandangan dan kajian-kajian dilakukan menyentuh tentang Adat Perpatih. Ia bukan sahaja menarik minat penulis-penulis tempatan tetapi juga oleh penulis-penulis Barat sejak awal abad ke 20. Dengan lahirnya kajian-kajian ini, pengetahuan kita tentang masyarakat Melayu tradisional menjadi lebih meluas. Kita dapati kajian-kajian itu membawakan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

Di antara penulis-penulis tempatan yang membuat kajian tentang masyarakat Melayu di Negeri Sembilan ialah Abdul Kahar Bador dalam buku-bukunya *Adat Perpatih di Tanah Mengandung, Satu Pengajian Mengenai Aliran Masyarakat*, untuk Latihan Ilmiah Sarjana Sastera yang diajukan kepada Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, 1961, dan *Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays*, Tesis M.A. Jabatan Anthropology London School of Economics, 1963. Azizah Kassim, kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Barat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, 1969. Mohd. Dahlan Hj. Aman, *Pentadbiran Adat ke atas Tanah di Naning (Melaka)*, Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, 1968. Abdul Rahman Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih*, terbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964 dan beberapa orang pengkaji lagi.

Selain dari kajian-kajian ilmiah yang dilakukan oleh golongan pensyarah-pensyarah, terdapat juga tesis-tesis yang diusahakan oleh mahasiswa khusus mendapatkan Ijazah Kepujian. Mereka yang digolongkan ke dalam kategori ini ialah Mohd. Rafdzi Hj. Maulud, *Proses Pemilikan Tanah Komuniti Adat Perpatih*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975. Marzuki Hamid, *Pengaruh Adat Perpatih Dalam Pemikiran Masyarakat Islam di Jelevu* Penekanan Khusus Pada Perkahwinan, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975 dan beberapa orang lagi.

Penulis-penulis Barat yang menulis tentang Adat Perpatih ini bukanlah menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah, tetapi hanya berupa kajian-kajian bersifat naratif. Di antara penulis-penulis yang berminat tentang masyarakat Melayu beradat Perpatih ini ialah Parr, C.W.C & Mackray, W.H., 'Rembau, one of the Nine States, its History, Constitution Customs', *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 1910. De Moubray, G.A., *Matriarchy in the Malay Peninsula & Neighboring Countries*, 1931, London, Roitledge & Son. Caldecott A. 'Jelevu, Sri Menanti, Johol', *Papers on Malay Subject*, 1912. Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan*, Jakarta, Bhanatra, 1960. M.G. Swift, *Malay Peasant Society in Jelevu*, 1965, dan beberapa tulisan lagi misalnya oleh M.B. Hooker, R.O. Wilkinson, Sheehan, Taylor, Ramsay dan beberapa sarjana Barat yang lain, sama ada penulis amatir atau ahli-ahli Antropologi dan Sosiologi.

Walaupun Adat Perpatih ini telah banyak di tulis, lebih-lebih lagi tulisan-tulisan itu membawakan pendekatan yang berlainan, didapati masih terdapat lagi aspek-aspek sosio-budaya masyarakat Melayu Adat Perpatih itu yang masih memerlukan kajian. Oleh sebab masyarakat itu sesuatu yang dinamik begitu dengan aspek-aspek budayanya, maka penulisan-penulisan begini adalah penting untuk

memastikan bahawa setiap tahap perubahan dalam masyarakat itu akan dapat dikesan dan diabadikan agar tidak hilang ditelan zaman.

Dengan membawa tajuk 'Persoalan Pembahagian Harta Dalam Masyarakat Adat Perpatih', saya cuba memaparkan persoalan-persoalan yang timbul dari segi pelaksanaan pembahagian harta yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih. Kita sering kali dihadapkan dengan persoalan bahawa sistem pembahagian harta yang dilaksanakan oleh masyarakat Adat Perpatih adalah bertentangan dengan ketetapan Hukum Syarak mengikut Hukum Faraid. Di samping itu timbul juga pandangan yang mengatakan bahawa dari segi praktiknya sistem ini sudah mengalami sedikit perubahan. Untuk menentukan sama ada kenyataan ini mempunyai kebenarannya, maka berdasarkan kajian ini akan diperlihatkan kesimpulan-kesimpulan untuk memastikan jawapannya.

TUJUAN DAN SOP KAJIAN

Walaupun telah banyak dilakukan kajian dan penulisan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan, namun dirasakan masih terdapat beberapa kekurangan tentang aspek penulisan itu. Masih ada aspek-aspek lain yang belum lagi terbongkar untuk pengetahuan umum. Terdapat latihan-latihan ilmiah yang ditulis oleh pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa dengan membawakan tajuk-tajuk yang menarik, dengan menyorot cari pelbagai-bagai sudut sosial dan ekonomi. Lebih terperinci lagi, terdapat kajian-kajian yang menyentuh tentang institusi perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih, Institusi kekeluargaan, pemikiran masyarakat tersebut dan dari segi tanah pusaka.

Dengan membawakan tajuk 'Persoalan Pembahagian Harta Dalam Masyarakat Adat Perpatih', penulis akan cuba mengkaji bagaimana cara perwarisan harta dari sistem pembahagian harta itu dan beberapa cadangan bagi mengatasi persoalan yang timbul dari segi perwarisan harta yang demikian.

Berdasarkan kajian perbandingan di antara cara pembahagian harta di dalam Adat Perpatih dan cara pembahagian harta mengikut Hukum Syarak, akan timbul beberapa persoalan seperti kesamaran yang timbul di antara kedua-dua sistem tersebut, aspek-aspek yang menimbulkan kekeliruan dan perkara-perkara yang bertentangan di antara kedua sistem pembahagian harta.

Oleh sebab kawasan mengamalkan Adat Perpatih ini terhad, iaitu di kawasan Negeri Sembilan dan daerah Alor Gajah di Melaka, penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana daerah yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan yang menyeluruh yang menyentuh Adat Perpatih dari segi pembahagian harta merupakan skop kajian di dalam tesis ini. Diharapkan juga lahir lagi penulis-penulis yang lebih terperinci mengenai aspek-aspek di dalam Adat Perpatih ini seperti yang di utarakan oleh M.G. Swift¹ bahawa ciri-ciri terpenting berkenaan masyarakat tradisional hanya sedikit sahaja diketahui. Banyak aspek-aspek dinamik penyelenggaraan masih lagi menantikan pengkajian.

¹ Swift, M.G, *Malay Peasant Society in Jelebu*, London School of Economics Monographs on Social Anthropology, no. 27, University of London, The Athlone Press, New York, 1965, Hal. 51.

METODE KAJIAN

Dengan menggunakan bahan-bahan yang telah sedia ditulis dan dikaji oleh beberapa penulis awal tentang Adat Perpatih tersebut kepada bidang yang lebih kecil skopnya iaitu “Sistem Pembahagian Harta Dalam Masyarakat Adat Perpatih”. Bahan-bahan bacaan seperti kajian-kajian ilmiah oleh pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa, journal-journal oleh pengkaji-pengkaji Barat, buku-buku yang ditulis sendiri oleh penulis-penulis tempatan dan kertas kerja-kerja seminar yang terdapat di perpustakaan universiti Kebangsaan mahupun University Malaya, merupakan bahan-bahan asas yang digunakan bagi penulisan bagi tesis ini.

Mungkin terdapat perbezaan di antara apa yang di tulis di dalam bahan-bahan bacaan tersebut dengan apa yang dilaksanakan pada waktu ini, tetapi dengan beranggapan bahawa sumber penulisan awal itu boleh menggambarkan satu ciri yang umum dan sering diamalkan oleh masyarakat tersebut maka apa yang wujud pada hari ini tidak bermakna bahawa bahan tulisan itu menjadi satu perkara yang tidak boleh diterima. Apa yang penting di sini kita mengambil satu contoh yang benar-benar pernah wujud atau diamalkan dalam erti kata itulah satu-satu perkara yang dapat menggambarkan realiti di dalam masyarakat Adat Perpatih itu.

Perubahan-perubahan yang terdapat pada hari ini di dalam beberapa institusi masyarakat tersebut yang berbeza dari apa yang ditulis oleh penulis-penulis itu, tidak dapat dielakkan kerana satu ciri masyarakat ialah sentiasa berubah atau dinamik. Oleh itu untuk melihat gambaran tradisional tentang masyarakat itu, kita perlu meninjau semula keadaan silam mereka berdasarkan bahan-bahan yang terdapat di dalam kajian-kajian yang terdahulu.

Dengan menggunakan metode kajian seperti yang diperkatakan di atas, diharapkan penulisan ini akan tercapai walaupun penulis sendiri menyedari bahawa terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan di beberapa bahagian. Kekurangan itu timbul kerana terdapat sangat sedikit penulisan yang menyentuh sistem pembahagian harta Adat Perpatih ini secara terperinci. Untuk mengatasinya, penulis terpaksa juga menemui penduduk-penduduk di Negeri Sembilan sendiri dengan mengadakan perbualan-perbualan secara tidak rasmi. Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri kurang memahami beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat itu bukan terdapat secara bertulis untuk difahami. Mungkin generasi yang akan datang tidak mengetahui langsung beberapa aspek tentang adat tersebut.

BAB KETIGA

Hukum Faraid

1. Definisi Faraid

Faraid, menurut bahasa bererti sesuatu yang ditentukan. Menurut istilah syarak ialah bahagian yang ditentukan oleh syarak bagi segala waris daripada peninggalan mayat melainkan mereka yang menghabiskan harta (asabah).¹

Ada ulama' yang memberi definisi bahawa ilmu faraid ialah satu kaedah yang diambil dari ilmu Fikah dan ilmu hisab yang dapat diketahui darinya apa yang dikhaskan kepada tiap-tiap empunya hak dalam pusaka dan nasib tiap-tiap orang dari harta itu.²

Termasuk di dalam ilmu faraid ialah mengkaji rukun-rukun pepusakaan, sebab-sebab, syarak-syarak, halangan-halangan dan hak-hak yang bersangkutan dengannya, tertib hak-hak itu dalam menunaikannya dan juga menentukan siapa yang menjadi waris atau tidak dan bahagian masing-masing serta cara pembahagiannya.

Menuntut dan mempelajari ilmu faraid adalah fardu kifayah. Apabila ada seorang yang mengetahui sekira-kira boleh menghuraikan perkara-perkara yang dimusykilkan di dalam bahagian faraid, gugurlah dosa yang lain. Sebaliknya jikalau ditinggalkan oleh ahli negeri itu daripada mempelajarinya nescaya berdosa di atas sekalian masyarakat itu.

2. Hukum Perwarisan Harta Di Dalam Al-Quran

Ilmu faraid ini diperkenalkan oleh Allah s.w.t. Tempat ambilan dan sandarannya ialah ayat-ayat Quran dan hadis-hadis Nabi dan ijmak ulama' atau dari persetujuan ulama' yang mengatakan thabitnya hukum pembahagian pusaka ini dengan tiada bersalahan.

Al-Quran menerangkan dengan terperinci sekali tentang soal-soal pembahagian pusaka dari segi hukumnya di dalam beberapa surah yang akan diturunkan pengertiannya seperti di bawah:

a. Perwarisan anak-anak dan dua ibu bapa:

Allah telah berfirman yang bererti :

“Allah mensyariatkan bagimu tentang pembahagian pusaka untuk anak-anakmu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan dua bahagian anak perempuan. Jika anak itu semua perempuan lebih dari dua maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika anak perempuan itu seorang sahaja maka ia memperoleh separuh harta”.³

¹ Al-Haji Othman bin Al-Haji Mohd. Said, Kitab Pendahuluan Faraid (Penggal I), Al-Ahmadiyah Press, Singapore 4, 16/67, 1968, hal. 36.

² Umar Abdullah, Ahkam al-Mawaris fi al-Syariah al-Islamiah, cetakan ke 4, 1966, hal. 12.

³ Al-Quran, surah al-Nisa, ayat 11.

Perwarisan harta pusaka bagi dua ibu bapa pula Allah telah berfirman di dalam al-Quran yang bererti:

“dan adalah bagi dua ibu bapa itu tiap-tiap seorang daripada mereka seperenam dari apa yang ditinggalkan oleh si mati, jika ada baginya anak, sedang yang jadi warisnya itu (hanya) dua ibu bapanya, maka buat ibunya sepertiga, lantas jika ada baginya saudara-saudara, maka buat seperenam, sesudah wasiat yang ia wasiatkan, dan (sesudah) hutang”.¹

b. Perwarisan suami isteri

Mengenai perwarisan di antara suami isteri ini Allah telah berfirman yang bererti:

“Dan bagimu (suami isteri) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri mu jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isteri mu itu mempunyai anak maka kamu dapat seperempat dari harta yang ditinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri-isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutang mu”.²

c. Perwarisan saudara seibu

Di dalam surah al Nisa' terdapat sepotong ayat yang menghuraikan tentang cara perwarisan harta bagi saudara seibu yang membawa erti:

“Jika seseorang mati baik lelaki mahupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (seibu sahaja) atau seorang saudara perempuan (seibu sahaja) maka masing-masing dari jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu lebih dari seorang maka mereka bersekutu pada sepertiga bahagian sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau (dan) sesudah dibayar hutangnya”.³

d. Perwarisan saudara-saudara perempuan

Firman Allah yang bererti:

“Mereka meminta fatwa kepada mu, katalah: Allah memberi fatwa kepada mu tentang ke lalat, iaitu jika seseorang meninggalkan saudara dunia dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkannya dan saudaranya yang lelaki mendapat (seluruh harta

¹ Al-Quran, surah al Nisa, ayat 11.

² Al-Quran, surah al Nisa, ayat 12.

³ Al-Quran, surah al Nisa, ayat 12.

saudara perempuan) jika ia tidak mempunyai anak, tetapi jika saudara perempuan itu dua orang maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal. Dan jika mereka (ahli-ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara lelaki dan perempuan maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak dua bahagian dua orang saudara perempuan.¹

3. Rukun Pepusakaan, Sebab, Syarat Dan Halangannya.

Harta peninggalan atau bakinya setelah ditunaikan hak-hak yang bersangkutan dengannya, menjadi hak kepada waris-waris dengan jalan pepusakaan. Pepusakaan mempunyai rukun-rukun, sebab-sebab, syarat-syarat, dan halangan-halangan bagi membolehkan para waris menerima pusaka. Apa yang dikatakan rukun pepusakaan itu ialah:

- Harta yang meninggalkan itu berhak dipusakai.
- Orang yang menerima pusaka itu ada hubungan darah sama ada kerana hubungan kerabat atau perkahwinan.
- Harta yang menjadi pusaka (harta yang dipusakai dari orang yang meninggal).

Sebab-sebab pepusakaan:

Ada tiga sebab yang disepakati oleh ulama' faraid bagi membolehkan seseorang itu menerima pusaka iaitu:

- a. Sebab perkahwinan iaitu di antara suami isteri akan menerima pusaka jika salah seorang dari mereka meninggal dunia.
- b. Kerabat iaitu hubungan darah yang mengikat para waris dengan orang yang meninggalkan dunia dan meninggalkan harta (hubungan darah di antara para pewaris dan muwarris).

Syarat-syarat menerima pusaka:

Terdapat beberapa syarat yang dikenakan bagi pihak muwaris, waris dan harta peninggalan itu sendiri untuk diberikan kepada yang berhak menerima pusaka.

Syarat yang dikenakan kepada muwaris ialah ia benar-benar telah meninggal dunia sama ada meninggal secara hakikat atau keputusan hakim. Kematian secara hakikat ialah kematian muwaris sama ada dengan penyaksian semasa ia meninggal ataupun dengan terdapatnya bukti-bukti yang menyatakan demikian. Sementara kematian secara keputusan hakim pula ialah apabila seseorang itu menghilang dan terputus langsung khabar berita mengenainya tanpa diketahui hidup atau matinya, hakim akan membuat keputusan mengikut pandangan perundangan Islam.

Manakala syarat yang dikenakan kepada waris supaya ia berhak menerima pusaka ialah ia masih dalam keadaan hidup. Pada waktu itulah harta pindah kepada waris dengan jalan pusaka. Hidupnya waris secara hakikat thabit dengan penyaksian

¹ Al-Quran, surah al Nisa, ayat 176.

atau pembuktian yang diterima oleh syarak. Hidup secara takdir pula ialah seperti anak dalam kendungan semasa bapanya meninggal dunia dan dikira walaupun ia masih merupakan segumpal darah, ia akan mendapat haknya apabila dilahirkan ke dunia dalam keadaan hidup.

Syarat terakhir di dalam membolehkan seseorang itu menerima pusaka ialah tidak adanya larangan pepusakaan. Bererti tidak wujud perkara-perkara yang melarang seseorang itu dari mendapatkan pusaka. Halangan-halangan yang dimaksudkan di sini lebih merupakan halangan-halangan dalam pembahagian pusaka.

Penghalang-penghalang pusaka:

Penghalang pusaka dalam istilah ulama' faraid ialah suatu sifat yang menyebabkan orang yang bersifat dengan sifat itu tidak dapat menerima pusaka pada hal cukup sebab-sebabnya dan cukup pula syarat-syaratnya.¹

Sebab-sebab yang menghalang seseorang itu dari menerima pusaka dapat digariskan seperti di bawah:

a. Kehambaan:

Seseorang hamba dihalang daripada mempusakai dan juga menerima pusaka dari hak-hak pepusakaan yang wujud. Ini kerana hamba bukanlah dari ahli yang boleh memiliki harta. Oleh itu hamba tidak akan mendapat warisan dan ia tidak akan meninggalkan warisan kerana ia tidak memiliki sesuatu, malah ia sendiri dimiliki oleh tuannya.

b. Pembunuhan:

Apabila seseorang waris itu membunuh warisnya ia adalah terhalang dari mendapatkan pusaka. Mengikut mazhab Maliki, pembunuhan yang menghalang dari mendapatkan pusaka ialah pembunuhan yang sengaja digerakkan oleh rasa permusuhan di mana ia diwajibkan membalas pembunuhan itu, sama ada pembunuhan itu secara langsung atau tidak langsung.

Walaupun Islam menetapkan bahawa pembunuhan menghalang pepusakaan namun demikian para fuqahak berselisih pendapat tentang bentuk yang bagaimanakah menyebabkan penghalangan itu. Di sini akan diterangkan secara ringkas perselisihan tersebut.

- Bagi golongan Hanafi, pembunuhan terbahagi kepada dua:

- a. Pembunuhan secara langsung (mubasyarah).
- b. Pembunuhan secara tidak langsung (tashabbuh).

¹ Prof. Hasbi Ash Shiddieqy, Fiqhul Mawaris, Hukum-hukum Warisan Dalam Syariat Islam, Bulan Bintang, Jakarta, 1973, 51.

Pembunuhan secara langsung terbahagi pula kepada empat :

- a. Pembunuhan dengan sengaja.
- b. Pembunuhan yang serupa dengan sengaja.
- c. Pembunuhan yang tidak sengaja.
- d. Pembunuhan yang dipandang tidak sengaja.

Kesemua pembunuhan ini mengikut mazhab Hanafi adalah menghalang pusaka, di mana pembunuhan yang sengaja diwajibkan qisas, manakala yang diwajibkan kafarah dan diah iaitu pembunuhan yang serupa sengaja atau yang tidak sengaja atau yang dipandang sebagai tidak sengaja. Sementara itu si pembunuh itu ialah orang yang berakal dan baligh.

Pembunuhan secara tidak langsung (tashabbuh) ialah perbuatan yang dilakukan oleh pembunuh bukan tindakan secara langsung tetapi ia membuat sebab yang mengakibatkan seseorang itu meninggal. Pembunuhan secara tidak langsung itu pada mazhab Hanafi tidaklah menghalang daripada menerima pusaka.

- Menurut mazhab Shafi'e pembunuhan yang menghalang pusaka ialah semata-mata melakukan sama ada sengaja atau tidak, secara langsung atau tidak langsung dan ia dibenarkan atau tidak. Halangan ini tanpa mengira pembunuh itu sudah baligh dan berakal atau tidak, ia tetap tidak dapat mempusakai sebarang harta peninggalan.
- Mazhab Hambali pula mengatakan bahawa setiap pembunuhan yang wajib dibalas pembunuhan itu (qisas) seperti bunuh sengaja atau yang wajib dibayar diah seperti pembunuhan tersalah ataupun menyerupai bunuh sengaja atau yang diwajibkan kafarah seperti membunuh saudaranya yang muslim yang berada di dalam barisan orang-orang kafir tanpa diketuai bahawa dia itu muslim adalah memberi kesan.

Pembunuhan-pembunuhan di atas ini disenaraikan dan dihalang dari mendapat pusaka. Manakala pembunuhan yang tidak mendatangkan apa-apa akibat seperti pembunuhan yang dibenarkan maka ia tidak menghalang dari mendapat pusaka.

- Menurut mazhab Maliki, pembunuhan terbahagi kepada dua:
 - a. Pembunuhan yang sengaja.
 - b. Pembunuhan yang tidak sengaja atau tersalah.

Jika si pembunuh bermaksud hendak membunuh maka dinamakan pembunuhan yang sengaja tetapi kalau ia tidak bermaksud untuk membunuh maka dipandang sebagai pembunuhan yang tidak sengaja atau tersalah. Pembunuhan yang tidak sengaja atau tersalah menurut mazhab ini tidak menghalang dari mendapat pusaka. Namun demikian diwajibkan diah.

c. Berlainan Agama

Bermaksud bahawa agama si waris itu berlainan dari agama muwaris. Dengan itu tidak ada pusaka mempusakai di antara muslim dan bukan muslim walaupun di antara suami isteri, ayah atau anak, apabila mati salah seorang dari mereka.

Terdapat beberapa masalah yang timbul di dalam masalah pembahagian harta di antara orang yang berlainan agama. Perbezaan agama yang menghalang pepusakaan itu hendaklah berlaku semasa matinya orang yang meninggalkan pusaka seperti seorang yang mati di mana ia mempunyai isteri 'kitabiyah'. Jika setelah suaminya meninggal si isteri memeluk agama Islam, ini tidak membolehkan si isteri mendapat pusaka dari suaminya. Begitulah pendapat Jumhur.

Mazhab Hambali dan Syiah Imamiyah berpendapat bahawa perbezaan agama yang menghalang pepusakaan ialah semasa pembahagian harta peninggalan hendak dijalankan. Jika seorang muslim yang meninggalkan itu mempunyai isteri kitabiyah, lalu isteri itu memeluk agama Islam sebelum pembahagian pusaka dijalankan maka ia berhak mendapatkan pusaka. Tetapi andainya isteri itu memeluk agama Islam selepas pembahagian pusaka maka si isteri tidak akan menerima apa-apa bahagian daripada si mati.

d. Berlainan Tempat/ Negeri.

Bermaksud negeri tempat tinggal waris berbeza dengan muwaris dari segi pemerintahan yang diikuti oleh kedua-duanya. Keadaan ini tidak merupakan halangan pepusakaan di antara kaum Muslimin disebabkan oleh kesatuan yang dibawa oleh Islam dalam semua bidang tanpa mengira bangsa dan sempadan negara.

4. Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak.

Harta peninggalan, sesudah diselesaikan beberapa perkara yang wajib didahulukan, akan dibahagi-bahagikan kepada waris yang ada pada waktu meninggalnya muwaris, menurut ketentuan yang ditetapkan oleh syarak.

Apabila orang yang meninggal itu hanya meninggalkan seorang waris, harta peninggalannya tidak perlu dibahagikan kerana waris yagn seorang itu mengambil semua harta peninggalan atau mengambil baki sesudah diambil keperluan menyelenggarakan mayat, membayar hutang dan melaksanakan wasiat dalam batas yang dibenarkan.

Tetapi apabila ahli waris lebih dari seorang, harta itu perlu dibahagikan di antara para waris menurut kadar bahagian masing-masing yang telah ditetapkan oleh syarak. Bahagian-bahagian itu berbeza-beza mengikut darjat dan ada yang perlu didahulukan dan ada yang perlu dikemudiankan mengikut tertib darjatnya.¹

¹ Fiqhul Mawaris, hal. 66.

a) Waris yang menerima pusaka:

Pepusakaan dengan 'fard' adalah cara pertama pelaksanaan pembahagian pusaka. Menurut ulama', ilmu pusaka 'fard' diistilahkan sebagai saham (bahagian) tertentu banyaknya untuk waris pada harta pusaka sama ada dengan nas (al-Quran dan Hadis) ataupun Ijmak.

'Furud' (perkataan majmuk dari fard) atau bahagian yang tertentu didapati di dalam al-Quran ada enam ketentuan iaitu: satu perdua (nisf), satu perempat (rub), satu perlapatan (thunun), dan pertiga (thuluthan), satu pertiga (thuluth) dan satu perenam (sodus).

'Ashab al-furud' ialah waris-waris yang mempunyai bahagian-bahagian yang telah ditentukan dan mereka seramai dua belas orang, empat lelaki dan lapan perempuan. Mereka yang terdiri dari kaum lelaki ialah: Suami, bapa, datuk, sebenar dan saudara lelaki seibu. Manakala yang perempuan ialah: Isteri, ibu, nenek sebenar, anak perempuan, anak perempuan dari anak lelaki, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa dan saudara perempuan seibu.

Di antara mereka yang dua belas orang ini, suami dan isteri menerima pusaka disebabkan kekerabatan dan hubungan darah.

b) Pembahagian Pusaka Mengikut Bahagian:

- Bahagian satu perdua:

Jumlah satu perdua dari harta peninggalan diterima oleh lima orang iaitu empat orang wanita dan seorang lelaki, iaitu:

- 1) Suami, apabila isteri mati tidak meninggalkan 'fardu al-waris' sama ada dengan suami itu atau dari suami lain.
- 2) Seorang anak perempuan sekiranya tidak dita'sibkan.
- 3) Seorang anak perempuan dari anak lelaki sekiranya tidak ada anak perempuan, anak lelaki dan tidak dita'sibkan.
- 4) Seorang saudara perempuan seibu sebapa, sekiranya tidak dita'sibkan serta tidak pula bersamanya anak perempuan, anak perempuan dari anak lelaki, bapa dan anak lelaki atau cucu lelaki dari anak lelaki hingga ke bawah.
- 5) Seorang saudara perempuan sebapa, syaratnya seperti apa yang disyaratkan pada saudara perempuan seibu sebapa di atas serta tidak pula bersamanya saudara perempuan dan lelaki seibu sebapa.

- Bahagian satu perempat:

Yang berhak menerima seperempat ialah dua orang waris iaitu suami dan isteri.

- 1) Suami, berhak mendapat satu perempat jika isteri yang meninggalkan, meninggalkan anak dari suami sendiri atau dari suami lain.
- 2) Isteri pula mendapat satu perempat apabila tidak ada anak dari suami yang meninggal dunia baik anaknya sendiri atau anak dari isteri lain (seorang atau lebih isteri).

- Bahagian satu perempat dari harta.

Hanya seorang sahaja yang berhak mendapat satu perempat iaitu isteri apabila suami mati, meninggalkan anak baik dari isteri itu sendiri atau dari isteri lain.

- Bahagian dua pertiga.

Yang berhak mendapat dua pertiga ialah perempuan-perempuan berbilang iaitu empat orang iaitu:

- 1) Anak-anak perempuan.
- 2) Anak-anak perempuan dari anak atau anak-anak lelaki.
- 3) Saudara-saudara perempuan seibu sebapa.
- 4) Saudara-saudara perempuan sebapa.

- Bahagian satu pertiga.

Bahagian ini diperuntukkan kepada dua orang waris iaitu:

- 1) Ibu, dengan syarat orang yang meninggal itu tidak meninggalkan anak dan tidak pula meninggalkan beberapa saudara, baik seibu sebapa, atau sebapa atau seibu.
- 2) Dua orang atau lebih saudara seibu, baik lelaki mahupun perempuan, atau lelaki sahaja atau perempuan sahaja apabila si mati tidak meninggalkan 'fardu al-waris', bapa dan datuk.

- Bahagian satu perenam.

Diterima oleh tujuh orang waris iaitu:

- 1) Bapa, ketika yang meninggal itu mempunyai anak (fardu al-waris).
- 2) Datuk sejati, di waktu yang meninggal itu meninggalkan anak tanpa meninggalkan bapa.

- 3) Ibu, bila yang meninggalkan itu meninggalkan anak atau dua orang atau lebih saudara-saudara lelaki atau saudara-saudara lelaki atau perempuan seibu sebapa, sebapa ataupun seibu.
- 4) Nenek sejati, seorang atau lebih ketika tidak ada ibu.
- 5) Seorang atau lebih anak perempuan dari anak lelaki apabila bersama dengan seorang dari anak-anak perempuan bagi si mati.
- 6) Seorang atau lebih saudara perempuan sebapa apabila bersama saudara perempuan seibu sebapa.
- 7) Seorang saudara seibu lelaki atau perempuan.

5. Pusaka Suami Isteri Secara Terperinci.

Suami atau isteri menerima pusaka disebabkan perkahwinan. Oleh itu, mereka dinamakan 'Zawi al-furud as-sababibah', manakala selain daripada mereka dinamakan 'zawi al-furud al-nasabiah'. Namun begitu, salah seorang dari mereka boleh mendapat dua bahagian pusaka yang berbeza. Pertama, mendapat melalui jalan perkahwinan dan yang kedua melalui hubungan kerabat si mati (isteri) meninggalkan suami dari anak bapa saudaranya seibu sebapa.

Sekiranya isteri lebih dari seorang ketika suami mati maka mereka akan mendapat bahagian yang sama rata dari ketentuan yang telah ditetapkan.

a) Syarat pusaka melalui perkahwinan.

Salah seorang suami isteri mendapat pusaka antara satu sama lain apabila memenuhi dua syarat seperti di bawah:

- Akad perkahwinan antara mereka yang sah menurut syarak sama ada isteri telah dihantar ke tempat suami atau belum juga sama ada telah berlaku perisetubuhan, khalwat atau belum berlaku kedua-duanya.
- Perkahwinan yang sah itu terus berkekalan antara keduanya sama ada secara hakikat atau secara hukum sehingga belum berlaku perceraian.

6. Kedudukan Waris-Waris 'Ashab Al-furud' Di Dalam 'fard' Mereka Dan Hak-Hak Lain.

Daripada dua belas oran waris 'ashab al-furud' yang terdiri dari lelaki dan perempuan itu sebahagiannya mendapat hanya dengan jalan 'fard' dan 'ta'sib' sekali dan kadangkala salah satu dari keduanya dan ada dan ada pula yang mendapat dengan jalan 'fard' sahaja atau 'ta'sib' sahaja dan tidak mungkin dihindarkan kedua-dua sekali.

'Ashab al-furud' hanya mendapat dengan jalan 'fard' sahaja terdiri dari dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Mereka ialah suami, saudara lelaki seibu,

isteri, saudara perempuan seibu, ibu dan nenek. Di bawah ini akan diterangkan kedudukan tiap-tiap seorang dari mereka.

a) Suami, baginya dua keadaan:

- i. Mewarisi satu perdua, sekiranya isteri mati tanpa meninggalkan anak, sama ada dari suami tersebut atau dari suami lain.
- ii. Mewarisi satu perempat sekiranya isteri mati meninggalkan 'fardu al-waris', sama ada dari suami tersebut atau dari suami yang lain.

b) Saudara lelaki seibu dan saudara perempuan seibu:

Bagi kedua-duanya ada tiga keadaan:

- i. Mendapat satu perenam jika seorang.
- ii. Mendapat satu pertiga sekiranya lebih dari seorang dan pembahagian pusaka di antara mereka adalah sama rata di antara mereka adalah sama rata di antara lelaki dengan perempuan.
- iii. Terdinding dari menerima pusaka – sama ada lelaki atau perempuan dengan 'fardu al-waris' (anak atau cucu lelaki atau perempuan yang mendapat pusaka), iaitu anak lelaki, anak lelaki dari anak lelaki walaupun rendah darjatnya serta anak perempuan dan anak perempuan dari anak lelaki walaupun rendah darjatnya atau dengan asal lelaki yang mendapat pusaka dari si mati, iaitu bapa dan datuk sebenar (tidak gugur) walau setinggi-tingginya.

c) Isteri, baginya dua keadaan:

- i. Mendapat satu perempat apabila si mati (suami) tidak meninggalkan 'fardu al-waris'.
- ii. Mendapat satu perlepas apabila si mati (suami) meninggalkan 'fardu al-waris'.

d) Ibu, baginya tiga keadaan:

- i. Mendapat satu perenam sekiranya ada bersamanya 'fardu al-waris' sama ada lelaki atau perempuan atau dua orang atau lelaki saudara-saudara lelaki dan perempuan sama ada dari saudara seibu sebapa atau sebapa ataupun seibu walaupun mereka tidak mendapat pusaka kerana terdinding.
- ii. Mendapat satu pertiga dari harta peninggalan sekiranya si mati tidak meninggalkan 'fardu al-waris', saudara-saudara, bapa dan salah seorang dari suami isteri.

- iii. Mendapat satu pertiga dari baki harta sesudah salah seorang dari suami isteri mengambil 'fardnya'. Keadaan ini berlaku apabila pusaka itu terbatas kepada dua ibu bapa dan salah seorang suami isteri.

e) Nama sebenar, baginya dua keadaan:

- i. Satu perenam, sama ada sebelah ibu atau sebelah bapa atau kedua-duanya sekali.
- ii. Terdinding dengan ibu sama ada dari jihat ibu atau bapa, tambah lagi nenek sebelah terdinding dengan bapa, tetapi nenek sebelah ibu tidak terdinding dengan bapa.

'Ashab al-furud' yang kadangkala mendapat fard sahaja atau ta'sib sahaja dan kadang-kadang mendapat kedua-duanya sekali. Mereka hanya dua orang lelaki sahaja iaitu bapa dan daruk.

Bapa, baginya tiga keadaan:

- i. Mendapat satu perenam dengan jalan 'fard' sahaja ketika si mati (anaknya) meninggalkan anak lelaki atau anak lelaki dari anak lelaki hingga serendahnya seorang atau lebih.
- ii. Mendapat pusaka dengan jalan ta'sib sahaja ketika si mati tidak meninggalkan seorang anak pun lelaki atau perempuan atau anak lelaki dari anak lelaki (cucu) atau anak perempuan dari anak lelaki.
- iii. Mendapat pusaka secara 'fard' dan ta'sib sekali ketika si mati meninggalkan anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki, mereka ini seorang atau lebih walau betapa rendah darjat bapanya. Dalam keadaan ini mulanya bapa mendapat satu perenam iaitu bahagian 'fardnya' kemudian mengambil baki harta dengan 'asabah'.

Orang yang kedua mendapat 'fard' sahaja atau ta'sib sahaja atau kedua-duanya sekali ialah datuk (bapa kepada bapa). Terdapat dua jenis datuk. Pertama, datuk sebenar iaitu yang bukan diselangi oleh perempuan kepada si mati. Kedua, ialah datuk tidak benar iaitu di antaranya dengan si mati ialah orang perempuan. Bagi datuk, ada empat keadaan iaitu:

- i. Mendapat satu perenam sahaja dengan jalan 'fard' ketika si mati (cucu) meninggalkan anak lelaki atau anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya.
- ii. Mendapat asabah sahaja ketika si mati tidak meninggalkan anak lelaki atau anak perempuan atau cucu lelaki atau cucu perempuan dari anak lelaki.
- iii. Mendapat dengan jalan 'fard' dan asabah sekali apabila bersama-sama datuk itu anak perempuan si mati atau cucu perempuan dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya. Lelaki dari anak lelaki yang sedarjat

dengannya sama ada saudara kandungnya sendiri atau anak-anak lelaki bapa saudaranya seorang atau lebih di mana lelaki mendapat dua bahagian perempuan.

- iv. Mendapat satu perenam sama ada seorang atau lebih jika ia bersama dengan seorang anak perempuan untuk menyempurnakan dua pertiga 'fard' anak-anak perempuan yang setinggi-tingginya melainkan jika ada cucu lelaki yang sedarjat dengannya, ketika itu ia mengambil ta'sib bi al-ghayri atau asabah dengan orang lain.
 - v. Ia dihalang dari mendapat pusaka oleh dua orang anak perempuan melainkan ada bersama-samanya cucu lelaki yang sepakat dengannya atau ke bawah darinya ketika itu cucu perempuan tersebut terhad ta'sib dengan sebab orang lain.
 - vi. Ia terdinding dengan anak lelaki.
- f) Saudara perempuan seibu sebapa, baginya lima keadaan:
- i. Mendapat satu perdua, kiranya dia seorang.
 - ii. Mendapat dua pertiga, sekiranya lebih dari seorang.
 - iii. Mendapat asabah dengan sebab orang lain, iaitu bersama saudara lelaki seibu sebapa.
 - iv. Mendapat asabah bersama yang lain iaitu bersama anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki iaitu mendapat satu perdua, ketika bersama seorang dua atau lebih dari mereka.
 - v. Ia terdinding dari mendapat pusaka apabila bersama-sama anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya atau bapa.
- g) Saudara perempuan sebapa, baginya tujuh keadaan:
- i. Mendapat satu perdua sekiranya seorang.
 - ii. Mendapat dua pertiga apabila lebih seorang.
 - iii. Mendapat asabah dengan sebab orang lain iaitu bersama saudara lelaki sebapa.
 - iv. Mendapat asabah bersama yang lain, iaitu apabila terdapat anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki iaitu mendapat baki satu perdua ketika bersama seorang dari mereka dan mendapat satu pertiga ketika bersama dua orang atau lebih dari mereka.
 - v. Mendapat satu perenam sama ada seorang atau lebih apabila bersamanya seorang saudara perempuan seibu sebapa yang mengambil 'fardnya' satu perdua kerana hendak mencukupkan dua pertiga dan

tidak ada pula bersamanya saudara lelaki sebapa yang mentaksibkannya.

- vi. Ia terdinding dari mendapat pusaka apabila bersamanya anak lelaki, anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya atau bapa atau saudaranya lelaki seibu sebapa atau saudara perempuan seibu sebapa yang menjadi asabah bersama yang lain.
- vii. Ia terdinding dengan dua orang atau lebih saudara perempuan seibu sebapa kecuali jika ada bersamanya saudara lelaki sebapa ketika itu dia terhad ta'sib dengan sebab orang lain.

7. Asabah, Pengertian dan Pembahagiannya:

Ahli waris yang menerima harta pusaka terdiri dari ashab al-furud iaitu waris yang menerima bahagian tertentu seperti yang telah diterangkan di bahagian sebelum ini. Ada pula ahli waris yang menerima asabah iaitu bahagian yang tidak tertentu iaitu jika harta sudah dihabisi oleh ahli waris yang mendapat furud.¹

Ahli waris yang mendapat asabah ini mungkin mendapat semua harta jika tiada sahib'u al-fard. Kalau asabah itu seorang maka semua pusaka akan teruntuk kepadanya sahaja. Jikalau asabah itu terdiri dari beberapa orang, harta yang ada itu akan dibahagikan sama rata, perempuan menerima separuh dari bahagian lelaki. Jikalau ahli waris itu terdiri dari sahib'u al-fard dan asabah, terlebih dahulu keutamaan akan diberikan kepada ahli fard untuk mengembalinya. Setelah itu sisanya diserahkan kepada asabah. Jika tidak adan sisi, segala pusaka telah habis diterima oleh sahib'u al-fard, tiadalah bahagian untuk asabah.

Asabah itu terdiri dari tiga macam¹ iaitu:

- Asabah bi n-nafsi.
- Asabah bi al-ghayri.
- Asabah na'a al-ghayri.

a) Asabah bi n-nafsi:

Asabah bin-nafsi bermaksud waris lelaki yang mempunyai pertalian langsung dengan si mati, dengan dirinya sendiri seperti anak lelaki dan bapa atau dengan perantaraan warisnya yang lelaki seperti anak lelaki dari anak lelaki dengan perantaraannya anak lelaki dan nenek lelaki, saudara lelaki yang kandung dan yang sebapa dengan perantaraan bapa.

Perhubungan waris-waris dengan si mati melalui perempuan sahaja tidak dinamakan asabah.

Susunan ahli asabah itu adalah seperti berikut:

¹ Mawardy Muhammad, Ilmu Faraid, Penerbit Sa'adijah Putra, Padang Panjang, 1966. hal. 35.

1. Anak lelaki.
2. Anak lelaki dari anak lelaki.
3. bapa.
4. bapa dari bapa.
5. Saudara lelaki seibu sebapa.
6. Saudara lelaki sebapa.
7. Anak lelaki dari saudara seibu sebapa.
8. Anak lelaki dari saudara sebapa.
9. Bapa saudara seibu sebapa.
10. Bapa saudara sebapa.
11. Anak bapa saudara sebapa.
12. Anak bapa saudara sebapa.
13. Penghulu (tuan) yang memerdekakannya.

b) Asabiah bi al-ghayri:

Iaitu penerimaan harta warisan asabah melalui orang lain. Iaitu perempuan yang menjadi asabah disebabkan lelaki dan berkongsi dengan lelaki itu dalam mendapatkan asabahnya. Mereka ini terdiri dari empat orang iaitu anak perempuan dengan sebab ada anak lelaki, anak perempuan dari anak lelaki dengan sebab ada lelaki dari anak lelaki, saudara perempuan seibu sebapa dengan sebab ada saudara lelaki seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa dengan sebab ada anak saudara lelaki sebapa. Dalam asabah ini lelaki mendapat dua bahagian perempuan.

c) Asabah ma'a al-ghayri:

Ulama' faraid memberikan takrifnya sebagai asabah berserta orang lain. Mereka ini pula ialah saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa sama ada seorang ataupun lebih. Kedu-dua waris perempuan ini menjadi asabah bersama anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki walau betapa rendah sekalipun dengan syarat tidak ada bersama saudara perempuan itu asabah bin-nafsi yang menta'sibkan mereka iaitu saudaranya yang lelaki apabila kedudukannya berubah menjadi asabah dengan sebab orang lain.

Ringkasnya asabah bersama orang lain ialah saudara-saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa bersama anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki dalam mewarisi baki harta di mana waris-waris ini asalnya ialah asabah bi al-ghayri.

8. Hijab, Pengertian Dan Bahagian-Bahagiannya.

Hijab ialah terdinding waris dari mendapat pusaka sama sekali atau dari bahagiannya yang terbanyak sebab adanya waris yang terdekat seperti terdinding datuk, disebabkan ada bapa dan terdinding ibu dari mendapat satu pertiga disebabkan ada anak dan berubah bahagiannya menjadi enam. Hijab atau halangan itu mengikut istilah ulama' faraid terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- Halangan mengurangkan hak.